

21/01/2003

`Malaysia teruskan dasar Mahathir'

PUTRAJAYA: Malaysia akan meneruskan dasar yang diterajui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ia adalah dasar negara yang dipersetujui sebulat suara oleh Kabinet dan akan kekal sebagai pemacu utama bagi dasar kerajaan Malaysia," katanya kepada pegawai bank pelaburan serta pengurus dana tempatan dan asing pada jamuan tengah hari anjuran Ecmlibra Investment Bank di sini, semalam.

Abdullah, yang akan menggantikan Dr Mahathir pada Oktober ini, berkata adalah tidak wajar untuk memperkenalkan dasar baru semata-mata kerana "mahu memahat nama sebagai pembuat dasar."

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau sering ditanya apa yang boleh diharapkan oleh komuniti perniagaan daripada peralihan kepemimpinannya lewat tahun ini.

"Jawapan saya sering konsisten iaitu meneruskan dasar utama. Ingin saya yakinkan di sini kenyataan ia bukan sekadar memberi jawapan. Ia adalah jawapan jujur berdasarkan realiti keadaan semasa," katanya.

Abdullah berkata, beliau menghabiskan masanya selama 38 tahun dalam perkhidmatan awam - sebagai kakitangan kerajaan dan ahli politik - dan daripada pengalamannya itu, beliau mempelajari strategi yang baik tidak sepatutnya ditolak begitu saja.

Katanya, beliau menyokong dasar Perdana Menteri yang tidak begitu bergantung kepada eksport untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara, sebaliknya ekonomi dalam negeri sepatutnya menjadi pemacu pertumbuhan.

"Saya percaya satu daripada cara untuk maju ke hadapan adalah dengan mencari sumber kekayaan baru terutama bagi kumpulan pendapatan rendah yang hanya menerima keuntungan kecil daripada lonjakan ekonomi kita," katanya.

Mengenai penanaman padi, beliau berkata tidak banyak pandangan diberikan untuk menghasilkan lebih banyak produk sampingan berbanding padi dan beras.

Beliau berkata penanaman padi tidak sepatutnya dilihat sebagai penerokaan yang tidak mewah kerana terdapat produk sampingan lain seperti wain, kosmetik, biskut dan bahan mentah bagi papan bangunan yang boleh dikeluarkan daripada tanaman itu.

Sebagai contoh, katanya jika purata hasil tanaman boleh meningkat satu tan bagi satu hektar, kecukupan makanan akan meningkat kepada 110 peratus daripada 60 peratus ketika ini dan petani-petani juga akan mendapat lebih banyak keuntungan.

"Ini memberi kesan positif kepada ekonomi dan meningkatkan kepantasan wang. Setiap tambahan ringgit bagi orang miskin lebih cepat untuk dibelanjakan berbanding tambahan ringgit bagi orang kaya," katanya.

Pada majlis yang sama, Abdullah turut memuji kira-kira 60 pengurus dana dan pegawai bank pelaburan asing kerana menghadiri majlis taklimat sehari itu.

"Anda semua sudah meluangkan masa dan bersusah payah datang ke Malaysia bagi menghadiri majlis ini.

"Ini petanda baik bagi iklim pelaburan kerana anda akan mendengar aspek positif tentang ekonomi kami," katanya.

Beliau memberitahu peserta, Malaysia akan terus bersikap mesra pelabur dan meminta mereka menghantar surat kepadanya bila-bila masa jika mahu memberikan maklum balas dan pendapat mengenai cara isu tertentu boleh diselesaikan dan meningkatkan dasar sedia ada. - Bernama

